

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**


#### **3.0 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmanakah keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF. Kajian ini akan dijalankan kepada murid-murid tahun lima yang mengambil bahagian dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini dijalankan menggunakan soal selidik bagi mengenal pasti jenis-jenis BBM yang paling diminati oleh murid. Di samping itu, kajian ini dijalankan juga untuk mengetahui persepsi murid mengenai bahasa Arab, persepsi murid mengenai bahan bantu mengajar dan amalan pengajaran guru dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain itu juga, kajian dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada terdapat korelasi antara persepsi murid mengenai bahasa Arab dengan persepsi murid mengenai bahan bantu mengajar, korelasi antara persepsi murid mengenai bahasa Arab dengan persepsi terhadap amalan pengajaran dalam pembelajaran bahasa Arab dan korelasi antara persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dengan persepsi terhadap amalan pengajaran dalam pembelajaran bahasa Arab. Keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF pula akan dikukuhkan dengan mengukur pencapaian murid melalui soalan ujian yang akan diberikan kepada murid selepas berlangsungnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Lebih dari itu, segala permasalahan yang timbul dalam penggunaan bahan bantu mengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat j-QAF juga akan dapat dikenal pasti melalui temu bual dengan para guru.

### 3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan semasa berbentuk deskriptif dan inferensi yang menggunakan data kuantitatif. Kajian ini akan dijalankan melalui dua bentuk penyelidikan iaitu melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan amat diperlukan bagi membantu pengkaji mendapatkan teori-teori yang berkaitan dengan tajuk yang akan dijalankan. Dengan menggabungkan kedua-dua kaedah ini akan menghasilkan satu kajian yang lebih kukuh buktinya sekaligus dapat menghasilkan kajian yang berguna mengenai keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab j-QAF.

Reka bentuk kajian ini akan mengikut proses berikut :





### 3.1.1 Kajian Kepustakaan

Bagi mengukuhkan kajian yang dijalankan, pengkaji akan menggunakan kajian kepustakaan dalam mendapatkan teori-teori berkenaan dengan tajuk yang akan dijalankan. Pengkaji telah membaca dan merujuk bahan-bahan yang berkaitan sama ada dalam bentuk jurnal, buku, kertas kerja ilmiah dan artikel yang berkaitan. Berbagai aspek diterangkan antaranya mengenai isu-isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Selain itu, teori-teori pembelajaran yang patut diterapkan dalam pengajaran bahasa juga turut dinyatakan. Teknik-teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai seperti penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab turut dijelaskan. Selain itu juga, penulis telah merujuk kepada beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas berkaitan dengan tajuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan di peringkat universiti.

### 3.1.2 Kajian Lapangan

Bagi memantapkan lagi kajian, penulis akan menjalankan kajian lapangan sebagai pelengkap kepada kajian ini. Kajian lapangan adalah merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berdasarkan objektif kajian (Asmah Hj. Omar, 2002: 1-2). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa bentuk instrumen dalam mendapatkan data dan maklumat berkaitan

dengan keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF. Penulis telah membina beberapa bahagian soalan pengujian untuk mengetahui keberkesanan bahan bantu mengajar, soalan kaji selidik kepada murid, beberapa soalan temu bual untuk para guru yang mengajar bahasa Arab.

### **3.2 Lokasi Kajian**

Kajian mengenai keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF ini akan dijalankan di Sekolah Kebangsaan Klang Jaya, Jalan Seruling 56, Off Jalan Langat, 41200 Klang, Selangor. Pemilihan lokasi ini adalah kerana beberapa faktor yang memenuhi kriteria dari segi responden dan antaranya kerana ianya merupakan salah sebuah sekolah yang telah terpilih untuk menjadi kajian rintis bagi program j-QAF. Dengan ini, pengkaji merasa wajar untuk menjadikan sekolah ini sebagai lokasi untuk menjalankan kajian. Selain itu, pemilihan lokasi ini juga adalah kerana faktor geografinya yang boleh dikatakan hampir dengan tempat tinggal pengkaji. Hal ini akan memudahkan pengkaji untuk berulang alik ke sekolah tersebut sepanjang kajian dijalankan.

### **3.3 Responden Kajian**

Kajian ini akan dijalankan ke atas 60 orang murid tahun lima sebagai responden kajian. Pemilihan dibuat ke atas murid tahun lima ini adalah memandangkan mereka telah mengikuti pembelajaran bahasa Arab ini bermula dari tahun satu lagi dan mereka juga telah pandai menilai akan pembelajaran yang telah dipelajari. Oleh itu, pengkaji merasakan wajar untuk menjalankan kajian mengenai keberkesanan bahan bantu bantu dalam pembelajaran mereka. Seramai empat orang guru yang mengajar bahasa Arab juga akan dijadikan sebagai responden bagi melengkapkan kajian yang dijalankan.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Bagi mendapatkan data dan maklumat untuk melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa bentuk instrumen iaitu :

#### **3.4.1 Soal Selidik Murid**

Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi tujuan untuk mengetahui bahan bantu mengajar yang paling diminati oleh murid dan dengan tujuan untuk mengetahui persepsi murid mengenai bahasa Arab, penggunaan bantu mengajar dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Menurut Majid Konting (1998), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan responden kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku pengkaji.

Dalam membina soalan kaji selidik, pengkaji telah mengambil kira beberapa faktor antaranya berkaitan dengan tahap soalan yang dibina. Soalan yang dibina mestilah sesuai dengan umur responden yang berada di sekolah rendah. Hal ini adalah sangat penting kerana soalan yang akan ditanya seharusnya tidak membebankan para responden. Soalan selidik ini diberikan kepada murid yang berada di tahun lima. Sebanyak 50 item soalan telah dibina untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Berdasarkan 50 item yang dibina, pengkaji telah mengelaskan kepada beberapa bahagian. Setiap bahagian pula akan dibahagikan kepada 10 item iaitu:

### Bahagian A: Maklumat Butiran Peribadi Responden

Bahagian ini adalah mengenai butir peribadi responden seperti umur, jantina, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu dan sebagainya. Soalan-soalan pada bahagian ini mengandungi soalan terbuka dan soalan tertutup.

### Bahagian B: Bahan Bantu Mengajar Yang Paling Diminati

Bahagian ini adalah berkaitan dengan bahan bantu mengajar yang paling diminati oleh murid sama ada gambar, kad imbasan, komputer, radio dan lain-lain lagi. Bahagian ini pula menggunakan Skala Likert iaitu :

Sangat Berminat (SM)

Berminat (M)

Sederhana (S)

Tidak Berminat (TM)

Amat Tidak Berminat (ATM).

### Bahagian C: Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab

Bahagian ini pula berkenaan persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab seperti pandangan mereka mengenai bahasa Arab sama ada mata pelajaran yang menarik ataupun susah, mata pelajaran yang penting atau tidak untuk dipelajari, minat atau tidak untuk mempelajari bahasa Arab dan sebagainya. Bahagian ini menggunakan Skala Likert iaitu :

Amat Setuju (AS)

Setuju (S)

Tidak Pasti (TP)

Tidak Setuju (TS)

Amat Tidak setuju (ATS)

#### Bahagian D: Persepsi Murid Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Bahagian ini adalah berkaitan dengan persepsi murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar antaranya kad imbasan, gambar, lembaran kerja dan penggunaan *powerpoint* akan mempermudah mereka untuk belajar bahasa Arab. Bahagian ini menggunakan Skala Likert iaitu :

Amat Setuju (AS)

Setuju (S)

Tidak Pasti (TP)

Tidak Setuju (TS)

Amat Tidak setuju (ATS)

#### Bahagian E: Persepsi Murid Terhadap Amalan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab

Bahagian ini adalah mengenai persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antaranya seperti guru menggunakan bahasa Arab ketika mengajar, guru menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu ketika mengajar dan guru mereka sangat kreatif ketika mengajar bahasa Arab. Bahagian ini menggunakan Skala Likert iaitu :

Amat Setuju (AS)

Setuju (S)

Tidak Pasti (TP)

Tidak Setuju (TS)

Amat Tidak setuju (ATS)

### 3.4.2 Soalan Pengujian

Bagi mengetahui keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF, pengkaji telah membina soalan pengujian kerana menurut Rahil Mahyuddin, Habibah Elias & Kamariah Abu Bakar (2009 ; 5-6), untuk mendapatkan maklum balas tentang pengajaran dan pembelajaran murid, guru perlu membuat penilaian. Sesuatu proses pengajaran tidak lengkap tanpa dijalankan penilaian. Penilaian boleh dilakukan sama ada sebelum (untuk menguji pengalaman atau pelajaran lepas belajar), semasa (penilaian formatif untuk menguji kefahaman murid serta memastikan murid memberi perhatian kepada pelajaran) atau selepas pengajaran (penilaian sumatif) yang bertujuan untuk mengesan atau menyemak sama ada pengajaran yang dijalankan itu berkesan atau tidak.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan penilaian sumatif kerana tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF murid. Dengan penilaian yang sesuai, guru boleh menentukan sejauhmanakah objektif pengajarannya telah dicapai. Sekiranya objektif pengajaran yang ditentukan telah dicapai dengan baik, maka guru boleh meneruskan pengajarannya dalam unit seterusnya. Seandainya objektif pengajaran tidak tercapai, guru perlu meninjau semula keseluruhan proses pengajarannya, kaedah pengajaran, alat bantu mengajar dan isi pelajaran yang telah disampaikan.

Penilaian bukan sahaja boleh digunakan untuk memberi gred kepada murid tetapi juga untuk mengumpul maklumat bagi tujuan membuat keputusan dalam pengajaran. Penilaian yang sesuai boleh membantu seorang guru menjadi lebih berkesan di samping menolong muridnya dalam aktiviti pembelajaran.



Dengan ini, pengkaji telah membina satu set soalan ujian yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Soalan-soalan ini telah dibina berdasarkan kepada sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran bahasa Arab tahun lima. Pemarkahan ujian tersebut adalah sebanyak 100 markah selaras dengan standard pemarkahan peperiksaan. Hal ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji mengkategorikan markah murid mengikut pencapaian yang diperolehi. Pencapaian murid pula akan dilihat berdasarkan perbandingan pencapaian antara dua kumpulan iaitu pencapaian murid yang berada dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Berikut adalah soalan yang telah dibina oleh pengkaji :

### **Bahagian A**

Bahagian ini mengandungi 70% yang terdiri dari 7 pecahan soalan :

Soalan pertama : اخْتَرِ ثُمَّ اَكْتُبْ (Pilih kemudian tulis)

Soalan kedua : اَمَلْ اَلْفَرَآغَاتْ (Isi tempat kosong)

Soalan ketiga : اِمَلْ اَلْفَرَآغَ بِحَرْفٍ صَحِيْحٍ (Isi tempat kosong dengan huruf yang betul)

Soalan keempat : وَفَّقْ بَيْنَ الْكَلِمَاتِ وَالصُّوْرِ (Suaikan antara perkataan dengan gambar)

Soalan kelima : كَمْ السَّاعَةُ الْاَنَ؟ (Jam berapa sekarang?)

Soalan keenam : لَاحِظْ ثُمَّ اَكْتُبْ الْعَدَدَ الصَّحِيْحَ (Perhatikan kemudian tulis bilangan yang betul)

Soalan ketujuh : اَمَلًا الْفَرَاغَ ( Isi tempat kosong berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan)

### **Bahagian B**

Bahagian ini mengandungi 30% terbahagi kepada 3 pecahan soalan:

Soalan pertama : اسْتَمِعْ ثُمَّ اكْتُبْ ( Dengar perkataan berikut dengan teliti kemudian tulis)

Soalan kedua : اسْتَمِعْ إِلَى الْجُمْلَةِ ثُمَّ اكْتُبْ ( Dengar ayat berikut dengan teliti kemudian tulis)

Soalan ketiga : اسْتَمِعْ ثُمَّ أَجِبْ ( Dengar dengan teliti kemudian jawab)

#### 3.4.3 Temu bual Guru j-QAF (Bahasa Arab)

Temu bual yang dijalankan ke atas empat orang guru bahasa Arab adalah bagi mengenal pasti permasalahan utama yang dialami dalam penggunaan bahan bantu mengajar dan cadangan mereka terhadap masalah yang dihadapi untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid.

Pengkaji telah menjalankan temu bual bersemuka dengan para guru dan temu bual tersebut berbentuk semi-struktur. Walau bagaimanapun, setiap soalan yang diajukan telah disusun

oleh pengkaji bagi memudahkan perjalanan sepanjang temu bual dijalankan. Guru-guru tersebut telah diminta untuk memberi jawapan kepada soalan yang ditanya dan juga telah diberi kebebasan dalam memberi apa-apa cadangan yang berkaitan. Temu bual telah dijalankan selepas berakhirnya sebelah petang setelah berakhirnya sesi pembelajaran di sekolah.

Temu bual yang dijalankan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B dan bahagian C. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang guru, bahagian B adalah mengenai maklumat berhubung bahan bantu mengajar dan bahagian C berkaitan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam penggunaan bahan bantu mengajar dan cadangan mereka berhubung bahan bantu mengajar.

Sesi temu bual bersama guru-guru ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan pelaksanaan dan penggunaan alat bantu mengajar menerusi program j-QAF. Selain itu, masalah-masalah dan cadangan-cadangan mengenai penggunaan bahan bantu mengajar juga dapat diketahui terus daripada para guru.

### **3.5 Prosedur Menjalankan Kajian**

#### **3.5.1 Prosedur Menjalankan Soal selidik Murid**

Borang kaji soal selidik akan diedarkan kepada responden yang terlibat. Responden telah diberikan masa sebanyak 30 minit untuk melengkapkan borang kaji selidik ini. Soal selidik ini telah dijalankan pada jam 12 pagi hingga 12.30 tengah hari pada 17 Januari 2012. Sejumlah 60 orang murid telah memberikan respon mereka terhadap soalan-soalan yang diajukan dalam set soal selidik ini.

### 3.5.2 Prosedur Menjalankan Soalan Pengujian

Kaedah kajian ini akan dijalankan ke atas dua kumpulan yang utama iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Prosedur menjalankan ujian adalah seperti berikut:

- 1- Guru yang mengajar akan menyediakan bahan-bahan yang akan digunakan dalam pembelajaran berdasarkan soalan ujian yang akan dijalankan.
- 2- Bahan bantu mengajar yang akan digunakan oleh guru terdiri daripada gambar, *powerpoint* dan kad imbasan. Guru hanya menggunakan bahan bantu mengajar semasa mengajar murid yang berada dalam kumpulan rawatan sahaja manakala bagi murid yang berada dalam kumpulan kawalan pula, guru menggunakan pengajaran secara biasa tanpa menggunakan bahan bantu mengajar tersebut.
- 3- Masa pengajaran guru bagi kedua-dua kumpulan adalah sama iaitu selama lima jam dan masa yang diambil bagi setiap kali pengajaran adalah sejam iaitu dalam masa dua minggu. Ini bermakna guru mengambil lima waktu pengajaran untuk kedua-dua kumpulan.
- 4- Guru yang sama akan digunakan untuk mengajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan kajian.
- 5- Selepas tamatnya sesi mengajar pada minggu kedua, soalan pengujian akan diedarkan terus kepada murid bagi mengetahui sejauhmanakah tahap keberkesanan bahan bantu dalam pembelajaran. Masa akan diberikan selama sejam bagi menjawab soalan-soalan tersebut. Skor dan gred pemarkahan adalah berdasarkan

gred A, B, C, D dan E mengikut skala pemarkahan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

### 3.5.3 Prosedur Menjalankan Temu Bual Guru Bahasa Arab

Pengkaji mengajukan setiap soalan yang telah disediakan kepada guru-guru tersebut dan mencatatkan kembali setiap jawapan yang diberikan serta merakamkan dengan alat perakam setiap jawapan mereka supaya pengkaji dapat mendengar semula rakaman tersebut dan secara langsung pengkaji dapat memberikan lebih perhatian semasa berlangsungnya sesi temu bual tersebut. Pengkaji juga telah meminta kebenaran daripada guru-guru tersebut untuk merakam setiap jawapan yang mereka berikan sepanjang temu bual dijalankan. Pengkaji menjalankan sesi temu bual bersama guru-guru bahasa Arab tersebut selepas tamat waktu persekolahan.

## 3.6 Pengumpulan Dan Analisa Data

Bagi pengumpulan data, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu berdasarkan data primer dan data sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data yang dikumpulkan sendiri oleh pengkaji menerusi set soal selidik murid, soalan ujian dan temu bual guru bahasa Arab. Pengumpulan data sekunder pula adalah lebih mengutamakan penyelidikan kepustakaan yang telah diperolehi daripada kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini oleh penyelidik lain sama ada dalam bentuk buku, majalah, kertas seminar dan sebagainya. (Rohana Yusof, 2003: 127).

Instrumen-instrumen yang memerlukan penganalisan data ialah :

- i. Analisis Soal Selidik Murid

Segala data yang diperolehi daripada daripada soal selidik murid dianalisis secara deskriptif menggunakan pakej perisian statistik iaitu *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 12.0* bagi mendapatkan frekuensi dan peratusan untuk setiap item soal selidik tersebut. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), reka bentuk kajian deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta-fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Selain itu, korelasi pearson juga digunakan dalam kajian ini. Menurut Sidek Noah (2002), tujuan kajian korelasi pearson ialah untuk menilai setakat mana variasi dalam satu faktor seimbang dengan variasi-variasi dalam satu atau lebih faktor lain berasaskan pekali korelasi. Dalam kajian ini, korelasi perason digunakan bagi mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang positif atau sebaliknya antara persepsi murid mengenai bahasa Arab, persepsi murid mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih skala korelasi yang digunakan oleh Jackson (2006).

Anggaran kekuatan hubungan antara pembolehubah ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 3.1 Interpretasi Anggaran Kekuatan Hubungan Antara Pembolehubah

<b>Skala Pekali Korelasi</b>	<b>Kekuatan Hubungan</b>
+ .70 hingga 1.00 atau - .70 hingga -1.00	Kuat
+ .30 hingga .69 atau - .30 hingga -.69	Sederhana
+ .00 hingga .29 atau - .00 hingga -.29	Tiada hubungan (.00) hingga lemah

ii. Analisis Soalan Ujian

Bagi mengetahui keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab, pengkaji akan memeriksa soalan ujian yang telah dijawab oleh murid dengan memberikan gred pemarkahan mengikut kumpulan masing-masing iaitu kawalan dan rawatan. Pemarkahan adalah berdasarkan gred-gred A, B, C, D dan E selaras dengan skala pemarkahan UPSR. Dengan itu, pengkaji akan mengetahui sama ada wujudnya perbezaan pencapaian antara kedua-dua kumpulan tersebut berdasarkan markah yang akan diperolehi dengan menggunakan perisian SPSS . Data akan dianalisis berbentuk deskriptif dan inferensi dengan menggunakan *ujian -t* bagi menentukan perbezaan pencapaian melalui min skor antara kedua-dua kumpulan tersebut. Bagi ujian ini, aras signifikan yang ditetapkan adalah  $p < .05$ .

Bagi memudahkan analisis dijalankan, pengkaji telah menetapkan markah pencapaian murid berdasarkan penggredan yang telah dibuat di peringkat sekolah rendah. Gred markah adalah seperti jadual berikut :

Jadual 3.2 Penggredan markah yang ditetapkan

Markah ( % )	Gred
80-100	A
60-79	B
40-59	C
20-39	D
0-19	E

iii. Analisis Temu bual Guru j-QAF

Bagi data yang diperolehi dari hasil temu bual dengan para guru akan didengar kembali oleh pengkaji dan setiap temu bual ditranskripsi bagi memudahkan pengkaji menganalisis dan menginterpretasi data tersebut.

### **3.6 Penutup**

Pengkaji telah menjelaskan dengan terperinci mengenai metodologi yang digunakan dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan reka bentuk kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan penganalisan data dan perbincangan.